

Kemiskinan tetap berterusan jika rakyat hidup berangan2 - PM

2 MAY 1984

KUALA LUMPUR 1 Mei - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa kemiskinan akan tetap berterusan selagi rakyat tidak berani menghadapi cabaran dan hidup dalam angan-angan.

"Kita tidak boleh berkhayal bahawa masalah kemiskinan boleh diatasi dengan hanya menyebut kata-kata hikmat, tetapi haruslah menyedari hakikat bahawa peningkatan dan usaha untuk memperbaiki taraf kehidupan perlu dititikberatkan," katanya.

Kata Perdana Menteri, rakyat perlulah mengubah sikap dari mengharap kerajaan melakukan sesuatu untuk membasmi kemiskinan kepada satu sikap baru iaitu berusaha untuk menambah pengetahuan, kepintaran serta kebolehan individu supaya dapat bersama-sama mengecap erti pembangunan.

Berucap melancarkan Yayasan Gerak Bakti Pemuda, anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di sini petang tadi, Perdana Menteri memberitahu, untuk mengubah sikap derma \$5.2 juta kepada ini, kerajaan telah menyusun beberapa langkah, khususnya yayasan berkenaan. dalam menerapkan nilai-nilai mulia berasaskan Islam di kalangan setiap individu masyarakat di negara ini.

Dengan ini, tambah Datuk Sri Dr. Mahathir, maka muncullah beberapa konsep seperti Bersih, Cekap, Amanah kerana hanya sebuah masyarakat yang mempunyai nilai-nilai mulia ini sahajalah yang dapat menghadapi cabaran dan berusaha untuk meningkatkan diri sendiri.

Menurut beliau, kesedaran dalam diri masing-masing adalah lebih penting daripada hanya menyuarakan pandangan tentang kemiskinan masih berlaku dan kemudiannya berharap supaya kerajaan akan menvelesaikannya.

Beliau memuji Pergerakan Pemuda UMNO yang mewujudkan satu kesedaran dalam generasi muda bahawa aktiviti-aktiviti merka bukan hanya melibatkan sosial tetapi juga tentang bagaimana untuk menjayakan salah satu daripada cita-cita kerajaan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu untuk membasmi kemiskinan.

"Kita haruslah bertanya pada diri sendiri, bagaimanakah dan apakah peranan yang harus dimainkan untuk membasmi kemiskinan, sedangkan kita mempunyai kuasa politik, ekonomi dan telah menggunakannya dengan berkesan," kata beliau.

Kerajaan, tegas Perdana Menteri, telah membelanjakan ribuan juta ringgit untuk membasmi kemiskinan, tetapi tanpa kesedaran yang mendalam dari golongan miskin untuk meningkatkan pengetahuan serta kepakaran diri maka hasilnya tidak akan menunjukkan kejayaan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, keadaan ini bertambah aneh jika diperhatikan bahawa negara terpaksa menjemput orang-orang asing bekerja di sini dan mereka ini mengaut keuntungan di negara ini, hasil dari 'keengganan' setengah-

kan pemuda daripada lain-lain perkumpulan serta kaum mengikuti langkah yang dibuat oleh Pergerakan Pemuda UMNO dalam usaha membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat.

Turut hadir di majlis pelancaran tersebut ialah Menteri-Menteri Besar, Ketua-Ketua Menteri, ahli-ahli Exco Pergerakan Pemuda UMNO, serta para dermawan Yang telah men-

telah men-

setengah rakyat yang masih 'berkhayal' dengan tahap kehidupan yang tidak berubah.

Katanya, negara masih mempunyai bilangan penganggur yang ramai tetapi masih pula mengambil orang luar untuk bekerja. Selagi kita bergantung kepada orang lain untuk mengendalikan kerja-kerja kita maka sedikit sebanyak kebebasan kita akan hilang tanpa disedari.

Tegas Perdana Menteri, rakyat harap menyalahkan diri sendiri kerana tidak mahu mengambil peluang pekerjaan yang ada dalam negeri dan bukannya 'dengki hati' apabila melihat peluang-peluang itu direbut oleh orang-orang asing.

Datuk Sri Dr. Mahathir berharap, golongan miskin akan dapat mengubah sikap mereka dan melengkapkan diri dengan pengetahuan serta kecekapan bekerja supaya tidak semata-mata meminta bantuan sepanjang masa.

Beliau juga meminta supaya pergerakan-pergerakan